




Mengambil kira sejak termaktubnya Piagam Keadilan di Pulau Pinang pada tahun 1807, maka genaplah 217 tahun pada tahun ini institusi kepolisan yang berkhidmat secara umumnya untuk masyarakat dan negara ditubuhkan.

Sepanjang tempoh tersebut terlalu banyak untuk kita senaraikan segala budi dan pengorbanan institusi keselamatan utama negara ini kepada masyarakat dan negara. Dengan usia penubuhannya melebihi dua abad, Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited untuk menjadi barisan hadapan yang memastikan keselamatan dan keamanan negara sentiasa berada pada tahap yang terbaik.

PDRM

217 TAHUN MENJADI BARISAN HADAPAN KESELAMATAN NEGARA



Berdasarkan sejarah penubuhannya, pasukan PDRM telah melalui beberapa fasa yang mencabar. Sejak zaman sebelum merdeka, dalam tempoh penjajahan, pada awal kemerdekaan hinggalah pada hari ini, PDRM telah menghadapi cabaran yang berbeza dalam usaha memastikan keselamatan dan keamanan negara.

Walaupun, cabaran tersebut berbeza mengikut zaman dan tempohnya, namun usaha serta komitmen anggota keselamatan negara ini tidak pernah berkurangan, malah sentiasa peka dan cakna dengan perubahan zaman dan keperluan semasa. Perubahan cabaran pada tempoh yang berbeza telah menjadikan pasukan ini lebih dinamik dan bervariasi dalam soal penyelesaian yang berkaitan dengan isu keselamatan negara.

Pada hari ini, PDRM berhadapan dengan cabaran yang lebih rencam.

Kes yang dihadapi bukan sahaja tertumpu pada hal yang berkaitan dengan keselamatan masyarakat awam sahaja, malah melangkaui perkara yang sebelum ini tidak terjangka. Seperti kes yang terkait dengan 3R, institusi diraja (royal), kaum (race) dan agama (religion), siasatan dan pendakwaan terhadap tokoh berprofil tinggi, ekstradisi individu dikehendaki yang berada di luar negara, isu pendatang asing tanpa izin (PATI), pencerobohan sempadan, isu sensitif berkaitan ahli politik dan sebagainya.


Kepelbagaian kes ini merupakan cabaran baharu yang perlu ditangani oleh pihak berkuasa keselamatan negara berasaskan pendekatan baharu. Pendekatan baharu ini bermakna setiap anggota perlu sentiasa terbuka untuk meneliti ilmu baharu agar boleh diaplikasikan mengikut keadaan dan keperluan semasa. Misalnya, kes jenayah siber yang semakin merumitkan dan memerlukan perhatian yang khusus daripada pihak berkuasa. Jenayah siber seperti penipuan dalam talian yang melibatkan penipuan pelaburan yang tidak wujud, penipuan tawaran kerja e-dagang, penipuan pinjaman yang tidak wujud, penipuan pembelian secara dalam talian dan memperdaya mangsa menggunakan teknik penipuan cinta atau *love scam*.

Merujuk statistik kes jenayah siber yang berlaku di sekitar Kuala Lumpur pada tahun 2023 menunjukkan

peningkatan yang ketara daripada tahun sebelumnya. Peningkatan ini membabitkan kerugian berjumlah lebih RM125 juta berbanding dengan tahun 2022, iaitu sebanyak RM93.18 juta bagi tempoh yang sama, iaitu bermula pada Januari hingga Ogos. Hal ini berbeza daripada kadar jenayah tradisional seperti kes rogol, bunuh, pecah rumah dan mencuri yang menunjukkan penurunan, iaitu sebanyak 59.9 peratus pada tahun 2023.

Jika diteliti laporan dan statistik serta peratusan kadar jenayah pada tahun 2019 hingga tahun 2023 menunjukkan bahawa kadar jenayah siber telah meningkat dengan ketara. Keadaan ini pastinya telah mendapat perhatian khusus oleh PDRM. Hal ini merupakan contoh cabaran semasa yang perlu dihadapi oleh PDRM pada hari ini. Keadaan ini juga berbeza daripada cabaran pada tempoh sebelum merdeka dan juga pada awal kemerdekaan negara. Pada tempoh tersebut cabarannya berbentuk fizikal yang memerlukan setiap anggota berhadapan dengan situasi yang menguji kepantasan fizikal dan kebijaksanaan dalam membuat keputusan.

Perubahan zaman juga telah mengubah persepsi masyarakat terhadap anggota polis. Jika sebelum ini, pada awal tempoh kemerdekaan negara hingga era tahun 1980-an dan 1990-an, masyarakat melihat anggota polis sebagai satu pasukan



yang digeruni dan ditakuti untuk didekati terutamanya dalam kalangan kanak-kanak. Masyarakat pada waktu itu berasakan bahawa anggota polis sebagai satu pasukan yang "bengis" dan menakutkan sehingga masyarakat tidak berani untuk mendekati, apatah lagi memberikan kerjasama dalam konteks perkongsian maklumat. Hal ini merupakan persepsi pada waktu tersebut.

Walau bagaimanapun, pandangan umum tersebut telah berubah pada masa kini. Selari dengan moto PDRM pada ketika ini, iaitu "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada", masyarakat percaya bahawa anggota polis merupakan rakan penting dalam menangani isu keselamatan pada peringkat komuniti dan negara amnya. Persepsi masyarakat kini melihat anggota polis ialah rakan yang boleh bekerjasama dalam soal keselamatan masyarakat. "Kedekatan" ini pastinya dapat memberikan impak yang lebih baik dalam proses setiap anggota masyarakat untuk bekerjasama dengan pasukan polis dalam mewujudkan keadaan keselamatan yang terjamin bukan sahaja dalam kawasan komuniti masing-masing, malah negara secara keseluruhannya.

Dalam konteks menjaga keselamatan dan keamanan negara, hubungan yang baik antara polis dengan masyarakat sebenarnya merupakan satu indikator yang penting dalam menunjukkan aktiviti jenayah serta salah laku yang wujud dalam masyarakat merupakan tanggungjawab bersama. Sebagai anggota masyarakat, sepatutnya


Anggota dan pegawai polis hendaklah memahat nawaitu dalam diri untuk menjadi seorang pegawai polis yang berintegriti dan jujur kerana keberkatan dalam pekerjaan itu turut membawa keberkatan dalam kehidupan.

kita tidak meletakkan sepenuhnya tanggungjawab untuk menjaga keselamatan negara di bahu pasukan polis semata-mata. Anggota masyarakat juga perlu sentiasa membantu pihak berkuasa seperti pasukan polis untuk melaporkan segala aktiviti yang melanggar peraturan dan undang-undang supaya diambil tindakan oleh pihak polis.

Namun begitu, pada hakikatnya masyarakat tidak boleh bertindak melangkaui batas yang sepatutnya sehingga menyalahi undang-undang. Maka itu, kerjasama yang dimaksudkan dalam konteks polis dan masyarakat berpisah tiada ini perlu mencerminkan bahawa setiap pihak sama ada polis atau masyarakat perlu bertindak mengikut batas kuasa yang diperuntukkan oleh undang-undang. Masyarakat boleh bekerjasama dengan memberikan laporan dan maklumat tertentu kepada pasukan polis manakala tindakan seterusnya akan diuruskan oleh pasukan polis dengan kepakaran yang dimiliki oleh mereka.

Tugas dan tanggungjawab sebagai anggota polis merupakan satu tugas yang memerlukan mereka sentiasa bersedia untuk berdepan dengan pelbagai cabaran yang kadangkala tidak dapat dijangka. Hal ini bermakna, setiap anggota polis sebenarnya terdiri daripada mereka yang terpilih untuk diberi tanggungjawab yang besar bagi menjaga keselamatan negara. Seseorang yang terpilih sebagai anggota polis ialah individu yang mampu mengurus keperibadian dengan penuh disiplin dan tanggungjawab kepada diri sendiri, keluarga, masyarakat dan negara. Pada masa yang sama, setiap anggota dan pegawai polis juga bertanggungjawab terhadap kerjaya kepolisan yang diceburi oleh mereka kerana kerjaya kepolisan tidak sekadar turut diiringi dengan kesedaran dan tuntutan pengorbanan yang besar.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dalam satu Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Latihan Asas Kepolisan (PLAK) Inspektor Pelatih SIRI 1/2023



Tan Sri Razarudin Husin tegas ketika menyampaikan amanat kepada anggota PDRM. (Sumber: PDRM)



di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur, menegaskan bahawa tugas anggota dan pegawai polis merupakan satu amanah besar yang disandarkan di bahu setiap anggota dan akan dihitung dan dipersoalkan di akhir kelak. Tegas beliau lagi, anggota dan pegawai polis hendaklah memahat nawaitu dalam diri untuk menjadi seorang pegawai polis yang berintegriti dan jujur kerana keberkatan dalam pekerjaan itu turut membawa keberkatan dalam kehidupan.

Sebagai Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin sentiasa mempamerkan satu contoh kepemimpinan yang baik dan tegas kepada setiap anggota dan pegawai polis agar sentiasa sadar dan peka dengan tanggungjawab sebenar mereka. Hal ini selaras dengan fokus utama beliau sebagai baik sahaja dilantik sebagai peneraju utama pasukan keselamatan negara dengan berikrar untuk meletakkan pasukan polis dengan imej terbaik dan disegani.

Untuk itu, Tan Sri Razarudin Husain telah menggariskan dua fokus utama terhadap pasukan polis. Fokus pertama melibatkan perkhidmatan PDRM yang bertunjangan integriti dan tatakelola yang baik. Menurut beliau, aspek integriti ini berkaitan rapat dengan tugas dan tanggungjawab sebagai anggota dan pegawai polis. Sebagai polis, mereka berhadapan secara langsung dengan masyarakat. Oleh itu, mereka akan terdedah dengan pelbagai isu dan cabaran yang boleh menggugat nilai integriti mereka.

Dalam fokus kedua, beliau berharap semua anggota dan pegawai dalam pasukan polis sentiasa mendukung dasar kerajaan ke arah kesejahteraan masyarakat. Kedua-dua fokus ini perlu digerakkan secara total pada setiap peringkat dengan aspek integriti kekal menjadi indikator terpenting dalam membentuk keperibadian pegawai polis yang cemerlang. Ketegasan Ketua Polis Negara yang terkait dengan imej pasukan polis ini telah meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap pasukan keselamatan negara.


Beberapa tahun kebelakangan ini, persepsi masyarakat terhadap pasukan polis seakan-akan sedikit merudum dengan berlakunya salah laku yang membabitkan isu integriti segelintir anggota dan pegawai polis. Kes salah laku seperti menerima rasuah, membuat ugutan, berkelakuan tidak sopan di tempat awam dan sebagainya telah memberi imej yang kurang baik kepada pasukan polis, seterusnya membentuk persepsi negatif dalam kalangan masyarakat terhadap pasukan keselamatan utama negara ini walaupun pada hakikatnya kes tersebut merupakan kes terpencil yang dari segi peratusannya sangat rendah.

Oleh hal yang demikian, tindakan tegas dan bertanggungjawab yang telah dilakukan oleh pihak tertinggi pasukan polis khususnya Ketua Polis Negara dalam isu integriti ini telah memberikan keyakinan kepada

masyarakat dan negara. Ketegasan Ketua Polis Negara berkaitan dengan isu integriti ini dapat dilihat dengan kesungguhan beliau yang sentiasa turun padang melawat anggota dan pegawai yang bertugas di setiap peringkat sehingga ke balai polis di seluruh negara. Peringatan, nasihat dan arahan yang disampaikan secara langsung kepada setiap anggota dan pegawai ini telah mewujudkan persekitaran kerja berpasukan yang cemerlang dalam pasukan polis. Pada masa yang sama, hal tersebut telah meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap pasukan keselamatan utama negara ini.

Sebenarnya, isu integriti dalam kalangan anggota dan pegawai polis bukanlah satu isu yang membimbangkan pada waktu ini. Isu ini masih berada pada tahap yang boleh dikawal dan diperbetulkan. Tidak dinafikan bahawa terdapat segelintir anggota yang terlibat, namun tindakan pantas telah dijalankan oleh pihak yang berkaitan dalam pasukan polis melalui tindakan tegas seperti tindakan tatatertib sehingga terdapat anggota dan pegawai yang terlibat digantung tugas atau dibuang kerja. Oleh itu, masyarakat seharusnya tidak terus menghukum pasukan polis berasaskan kepada salah laku sebilangan kecil anggota dan pegawainya dengan memberi imej yang tidak sepatutnya kepada pasukan polis negara.

PDRM merupakan satu pasukan keselamatan yang ulung di negara kita.



PDRM pernah diiktiraf sebagai pasukan keselamatan terbaik pada peringkat antarabangsa khususnya berkaitan dengan penyelesaian menangani jenayah harta benda seperti ragut, rompakan, curi motosikal, curi kereta, curi kenderaan komersial dan pecah rumah.

Dengan usia penubuhannya yang melebihi dua abad, pastinya pasukan ini telah matang dalam mengurus keselamatan dan keamanan negara. Tanggungjawab yang besar dan mencabar ini memerlukan sokongan serta dukungan yang baik daripada setiap ahli masyarakat dan rakyat di negara ini. Sebagai masyarakat, kita perlu berbangga memiliki satu pasukan keselamatan negara yang hebat dan pernah dinobatkan sebagai antara pasukan keselamatan terbaik di dunia.

PDRM pernah diiktiraf sebagai pasukan keselamatan terbaik pada peringkat antarabangsa khususnya berkaitan dengan penyelesaian menangani jenayah harta benda seperti ragut, rompakan, curi motosikal, curi kereta, curi kenderaan komersial dan pecah rumah. Pengiktirafan seumpama ini menunjukkan bahawa pasukan polis negara kita telah berada pada tahap yang tinggi dan membanggakan sehingga dunia mengiktirafnya sebagai antara yang terbaik dalam kalangan yang terbaik.


Sebagai masyarakat awam pastinya kita sentiasa meletakkan harapan dan tanggungjawab yang besar kepada pasukan keselamatan negara. Bagi orang awam, pasukan polis merupakan barisan hadapan yang mampu menyelesaikan segala pertikaian, ketidakpatuhan dan kesalahan yang melanggar garis panduan peraturan dan undang-undang negara, sekali gus bertanggungjawab untuk menjaga keamanan negara.

Setiap warganegara seharusnya sentiasa menghayati dan memahami tentang hak dan peranan masing-masing sebagai rakyat di sebuah negara yang merdeka dan

berpelembagaan. Seperti yang tercatat dalam Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, dan Kesopanan dan Kesusilaan. Lima prinsip yang telah menjadi ideologi negara ini sepatutnya dijadikan nilai asas kepada seluruh warganegara agar sentiasa faham dan jelas tentang peranan masing-masing.

Dalam konteks keamanan dan keselamatan negara, setiap rakyat di negara ini tanpa mengira status kedudukan dalam masyarakat, tahap akademik, jawatan dan kerjaya, semua warganegara adalah tertakluk di bawah undang-undang dan perlembagaan negara. Oleh itu, PDRM yang diberi tanggungjawab sebagai badan pelaksana undang-undang, mereka perlu sentiasa mendapat sokongan daripada setiap lapisan masyarakat agar dapat menjalankan tanggungjawab mereka tanpa sebarang halangan.

Sebenarnya, nilai integriti yang sering kita kaitkan dengan anggota dan pegawai polis perlu juga kita renungkan dalam diri kita sendiri agar kita juga mampu untuk berintegriti dalam menangani segala isu yang berkaitan dengan mengangkat nilai integriti keselamatan dan keamanan negara. Sebagai masyarakat yang dekat dengan pasukan polis, kita juga merupakan mata dan telinga kepada pasukan keselamatan ini untuk menangani isu keselamatan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai integriti merupakan nilai sejagat yang wajib ada dalam setiap ahli masyarakat tanpa mengira jawatan dan sektor pekerjaannya. Jika dikaitkan dengan integriti di tempat kerja, seharusnya bukan sahaja pasukan polis perlu berintegriti malah semua penjawat awam yang lain juga wajib berintegriti



(Sumber: PDRM)

dalam memberikan khidmat dan menjalankan tanggungjawab kepada masyarakat dan rakyat keseluruhannya.

Bagi pihak kerajaan pula, proses pengiktirafan yang sewajarnya juga perlu dipertimbangkan bagi menyokong pemupukan nilai integriti dalam kalangan penjawat awam khususnya pasukan keselamatan seperti PDRM. Semakan semula tangga gaji dan elaun misalnya mampu untuk menyelesaikan isu pengurusan pendapatan khususnya bagi anggota berpangkat rendah yang pada waktu ini mungkin perlu menjalankan kerja sampingan bagi menampung keperluan kehidupan yang semakin mencabar.

Usaha ini juga yakini mampu mengurangkan serta menghapuskan pengaruh anggota yang terdedah dengan gejala tidak berintegriti seperti rasuah dan sebagainya. Pihak berwajib juga diharapkan dapat meneliti soal kebajikan dan keperluan anggota bawahan PDRM yang sesuai dengan sumbangan dan bakti mereka.

Setelah mengharungi tempoh selama 217 tahun, pasukan PDRM pastinya lebih matang dan berpengalaman. Kematangan dan pengalaman yang berharga ini telahpun dibuktikan dengan memastikan negara kita sentiasa terkawal daripada segala ancaman keselamatan. Tambahan pula, pasukan keselamatan utama negara pada waktu ini diterajui oleh tokoh yang dikenali sebagai seorang yang berprinsip, bertanggungjawab



(Sumber: PDRM)

dan mempunyai nilai kepemimpinan yang membanggakan. Dengan sokongan daripada pasukan tertinggi pengurusan PDRM dan seluruh anggota dan pegawainya, beliau telah membuktikan bahawa PDRM berada pada landasan yang betul untuk menjalankan tugas hakikinya demi menjaga keselamatan dan keamanan negara.

Polis dan masyarakat berpisah tiada. Pasukan polis sentiasa menjalankan tugas mereka dengan mesra, cepat dan betul. Masyarakat dan polis pula diibaratkan seperti "aur dengan tebing", yang saling memerlukan dan berperanan menyokong serta membantu antara satu sama lain. Inilah nilai dan tafsiran tepat bagi menggambarkan keperluan antara pasukan keselamatan negara dengan ahli masyarakat secara keseluruhannya. Sempena merayakan tempoh yang panjang penubuhan pasukan keselamatan utama negara ini, iaitu PDRM, seluruh rakyat Malaysia sentiasa berharap inilah pasukan utama yang akan sentiasa berada di barisan hadapan untuk menjaga keselamatan negara. Selamat merayakan Hari Penubuhan Polis Negara. ■

